

Hubungan baru KL - Washington

16 MAY 2002

Daripada **KHALID MOHD**

WASHINGTON 15 Mei — Presiden George W. Bush menyambut Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad di White House hari ini dalam satu pertemuan simbolik — membuka jalan ke arah hubungan baru Malaysia-Amerika Syarikat yang dingin buat sekian lama.

Tiada apa yang diharapkan daripada pertemuan mereka kecuali isyarat bahawa hubungan yang pernah keruh itu sudah kembali pulih.

Isyarat itu jelas kelihatan.

Perdana Menteri mungkin terpaksa terbang 21 jam untuk pertemuan 35 minit dengan Bush, tetapi beliau dapat apa yang beliau mahu untuk Malaysia.

Dr. Mahathir berjaya mengubah sikap Amerika Syarikat terhadap Malaysia, berjaya mendapatkan penghargaan yang sepatutnya diberikan kepada Malaysia dan berjaya meletakkan asas baru dalam hubungan Kuala Lumpur-Washington.

Tujuan utama kunjungan Dr. Mahathir adalah untuk memperbetulkan hubungan. Ini beliau capai secara terhormat, tanpa mengorbankan pendirian Malaysia, tanpa menjanjikan apa-apa dan tanpa meminta apa-apa.

Washington juga dapat apa ia mahukan — pemulihan hubungan. Kata Bush: "Dr. Mahathir seorang yang mempunyai hubungan baik dengan kami. Saya menunggu lawatan ini untuk mengucapkan terima kasih secara terbuka kepadanya atas sokongan kuat yang telah Malaysia tunjukkan dalam usaha memerangi keganasan."

● PM jamin pelaburan AS terus bawa pulangan baik — Muka 2

Presiden Bush mengeluarkan satu kenyataan selepas pertemuannya dengan Dr. Mahathir di White House di mana beliau menyifatkan Malaysia sebagai sebuah negara Islam moden, sederhana dan makmur yang merupakan satu contoh kepada dunia.

Beliau mahu lembaran baru yang dibuka hari ini berkembang dan membawa kedua-dua buah negara ke masa depan yang lebih gemilang.

Secara khusus Bush mengucapkan terima kasih kepada Dr. Mahathir di atas pendirian tegas Malaysia dalam memerangi keganasan dan menyatakan rasa terharunya apabila Perdana Menteri antara yang terawal menandatangani buku takziah peristiwa 11 September.

Beliau juga bersetuju dengan Dr. Mahathir tentang takrif keganasan dan ingin melihat hubungan cergas dalam bidang ekonomi diperkembangkan lagi.

Dr. Mahathir turut mendapat penghargaan daripada tokoh-tokoh politik dan perniagaan terkemuka Amerika Syarikat.

Ucapannya kepada Majlis Perniagaan Amerika-ASEAN dan Kumpulan Persahabatan Malaysia-Amerika mendapat sambutan hangat di mana para hadirin bangun dan memberi tepukan.

Perdana Menteri sendiri gembira dengan

■ Lihat muka 4

Hubungan baru KL-Washington

lawatannya walaupun pada mulanya tidak meletakkan harapan terlalu tinggi.

Beliau memberitahu para wartawan Malaysia: "Sikap Amerika sudah berubah berbanding masa dulu. Dulu, Malaysia dilihat biasa saja, tidak begitu penting. Tapi nampaknya mereka beri penghargaan yang lebih sekarang. Mereka menaruh banyak harapan."

Ditanya sama ada dengan lawatannya apa juga masalah dalam hubungan politik sudah berakhir, Perdana Menteri berkata: "Sa-

ya tidak berani kata ia sudah berakhir tetapi sudah tentu keadaan sekarang ini sudah jauh lebih baik daripada dahulu. Mulai sekarang kita boleh harap perhubungan akan menjadi lebih positif."

Selain Bush, Dr. Mahathir mengadakan perbincangan dengan Naib Presiden, Dick Cheney dan Penasihat Keselamatan Negara, Condoleezza Rice.

Terdahulu beliau mengadakan pertemuan dengan Pemangku Setiausaha Negara, Richard Armitage,

Setiausaha Perbendaharaan, Paul O'Neil dan Wakil Perdagangan Amerika Syarikat, Robert Zoellick serta ahli Kongres dan Senat.

Dalam semua pertemuan itu, kata Dr. Mahathir, mereka menunjukkan minat yang mendalam dan beliau telah dapat menerangkan pendirian serta persepsi Malaysia berhubung banyak perkara khususnya isu perjuangan rakyat Palestin dan masalah keganasan.

Menurut beliau, pada keseluruhannya mereka

menghargai pendirian Malaysia walaupun dalam beberapa hal pendirian mereka berbeza.

Tentang Palestin, Perdana Menteri berkata, beliau menyatakan penghargaan di atas sikap Amerika Syarikat bahawa mesti ada sebuah negara Palestin.

Menurut beliau, Bush bersetuju mengenai perlunya menangani punca kebangkitan rakyat Palestin supaya wujud keamanan di wilayah itu. — *Utusan*